

Celik maklumat elak jadi mangsa jenayah hartanah

Oleh Prof Dr Ismail Omar
bhrencana@bh.com.my



Naib Canselor,
Universiti
Geomatika Malaysia

Bidang hartanah tidak terlepas daripada cengkaman penjenayah siber yang melakukan penipuan termasuk menggunakan platform media sosial. Ada iklan jual beli tanah begitu menarik dengan lokasi strategik, tetapi dengan harga pasaran murah.

Ini menyebabkan ada yang terpedaya, lalu menghubungi pihak berkenaan, tetapi apabila bayaran dibuat seperti diminta, ternyata iklan berkenaan palsu dan mangsa kerugian berjuta ringgit.

Realitinya, ia bukan hanya berlaku di negara ini, bahkan di Amerika Syarikat (AS), dilaporkan 11,578 kes penipuan sewaan harta tanah pada 2021 membabitkan 14,000 mangsa ditipu dengan nilai harta tanah melebihi AS\$203 juta (RM920 juta).

Di negara ini pula, secara umum, nilai penipuan dalam talian dilaporkan RM302 juta sepanjang 2021 hingga Jun 2023. Sepanjang tempoh itu, RM232 juta berlaku melalui Facebook dan RM70 juta (Instagram). Penipuan membabitkan harta tanah dilaporkan 16 kes pada 2001; 2002 (19); 2003 (22); 2004 (32); 2005 (35)

dan 2006 (30) yang semuanya bernilai berbilion ringgit. Pada 2006 sahaja, nilai jenayah siber harta tanah membabitkan kerugian RM4.9 juta.

Justeru, jalan penyelesaian perlu dicari untuk membasi penipuan dalam talian kerana nampaknya undang-undang dan peraturan sosial media serta komunikasi kurang berkesan walaupun terdapat sedikit ketakutan dalam kalangan pelaku jenayah siber.

Ini barangkali disebabkan undang-undang komunikasi kurang difahami, tetapi budaya penggunaan dan letusan teknologi digital begitu meluas serta sukar dikawal selia.

Oleh itu, perundungan berkaitan hendaklah disemak dan diperkasa dari semasa ke semasa, manakala hukuman berat wajar dikenakan kepada pelaku jenayah siber ini jika terbukti bersalah.

Sebenarnya, penjenayah siber sangat sistematik dan tahu selok-belok teknologi digital hingga iklan dimuat naik kelihatan benar-benar asli dan juju. Ditambah mangsa kurang memahami teknologi digital dan sistem rumit seperti sistem pendaftaran tanah menggunakan e-tanah, orang kampung dan pesara kurang pengetahuan mengenai perkara itu mudah ditipu.

Begitu juga dengan masyarakat yang terlalu gha-

rah mendapat keuntungan segera membabitkan pelbagai bentuk skim cepat kaya, akhirnya terperangkap dan menjadi mangsa. Lantaran itu, orang ramai perlu celik teknologi digital serta sentiasa berhati-hati dengan iklan di sosial media memukau, tetapi ada perangkap siber di sebaliknya.

Begitu juga, selain sentiasa mengamalkan sikap berhati-hati, orang ramai perlu ambil tahu ilmu berkaitan harta tanah bagi mengelak ditipu.

Pihak berkuasa bertungkus-lumus menyelesaikan kes penipuan dalam talian melalui sosial media. Melalui sebaran maklumat dan kesedaran mengenai bahaya jenayah siber, perkara ini dapat dikurangkan dan dielakkan.

Kesedaran mengenai jenayah siber boleh dipertingkat melalui ceramah dan program kesedaran dijalankan pihak berkuasa.

Bukan sekadar pihak berkuasa secara khusus bertanggungjawab seperti polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sahaja, seluruh agensi kerajaan termasuk sekolah serta universiti sejawarnya bersama-sama menangani kegiatan jenayah siber ini. Dengan usaha dan kerjasama seperti ini, jenayah siber dapat dikurangkan dan dibasmi di negara ini.